

# Agama itu Nasihat

## Nur Ilahi Seyogialah Dipelihara dengan Sebaik-baiknya

(Oleh Ustaz Muhammad ‘Ali al-Ḥamīdī)

Masyarakat Muslimin keseluruhannya untuk mendapat

Nur Ilahi, hendak setiap anggotanya betul-betul berada di dalam Islam. Firman Allah Ta‘ālā:

*Yā ayyuhā alladhīna āmanū udkhulū fī al-silmi kāffatan*

*wa lā tattabi‘ū khuṭuwāti al-shayṭāni innahū lakum ‘aduwwun mubīn.*

(Al-Baqarah, 208).

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman, masuklah

kamu sekalian ke dalam keselamatan, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan, kerana syaitan itu musuh kamu yang nyata.”

Masyarakat itu tersusun dari orang seorang,

masyarakat yang kecil sekali ialah rumah tangga, dan

masyarakat yang besar sekali ialah dunia. Maka bagi

memperbaiki masyarakat yang besar itu, harus dimulai

dari masyarakat yang kecil, iaitu rumah tangga, dan

perbaiki rumah tangga itu, ialah perbaiki orang-orang

yang menjadi penghuni atau pengisinya.

Perbaiki itu dimulai dari diri sendiri,

kemudian isteri, anak-anak dan orang-orang yang menjadi

tanggungan kita. Demikianlah tanggungjawab tiap-tiap Muslim

yang ingin hendak memperbaiki masyarakatnya. Firman Allah

*Subḥānahu wa Ta‘ālā:*

*Yā ayyuhā alladhīna āmanū qū anfusakum wa ahlīkum nāran*

*waqūduhā al-nāsu wa al-hijāratu ‘alayhā malā’ikatun ghlāzun shidādun*

*lā ya‘shūna Allāha mā amarahum wa yaf‘alūna mā yu‘marūn.*

(Al-Taḥrīm, 6).

Ertinya: “Hai orang-orang yang beriman, peliharalah

diri kamu dan ahli kamu dari neraka, yang umpannya

dari manusia kafir dan batu berhala. Penjaganya malaikat

yang kasar dan bengis, mereka tidak menderhakai

perintah-perintah Allah dan mereka kerjakan apa-apa yang diperintah.”

Sesudah beres rumah tangga, baharulah pindah kepada

perbaiki kerabat dan keluarga, sebagaimana diterangkan

di dalam firman Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā:*

*Wa andhir ‘ashūrataka al-aqrabīn. Wa ikhfīd janāḥaka*

*li mani ittaba ‘aka mina al-mu‘minīn.* (Al-Shu‘arā’, 214-215).

Ertinya: “Dan hendaklah engkau beri ingat keluargamu

yang dekat, dan merendah dirilah kepada orang-orang Mukmin.”

Memperbaiki diri sendiri dan orang-orang yang berada

di rumah tangga lebih dahulu, telah dicontohkan oleh Nabī

Ibrāhīm *‘alayhi al-salām*, sebagaimana ternyata dari doanya

yang tersebut di dalam al-Qur’ān:

*Rabbānā wajj‘alnā muslimīnyī laka wa min dhurriyyatīnā ummatan muslimatan*

*laka wa arinā manāsikanā wa tub ‘alaynā innaka anta al-Tawwābu*

*al-Raḥīm*, (Al-Baqarah, 128).

Ertinya: “Ya Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua

ini orang-orang yang menyerahkan diri kepada-Mu, dan

tunjukkanlah kepada kami cara kami berbakti, dan

ampunkanlah kami, kerana sesungguhnya Engkau Maha

Pengampun dan Maha Penyayang.”

Nur Ilahi dipelihara oleh rasul-rasul Tuhan dan



**Bacalah!**

**Sudah terbit!**

**Buku-buku Syuhada**

**Disusun oleh:**

**Edrus**

- |                                     |        |
|-------------------------------------|--------|
| 1. Ḥamzah bin ‘Abd al-Muṭalib       | 50 sen |
| 2. Nusaybah – Pahlawan Wanita Islam | 50 ”   |
| 3. ‘Ikrimah bin Abū Jahl            | 50 ”   |
| 4. Sa‘ad bin Rabī‘                  | 50 ”   |
| 5. Sa‘ad bin Mu‘adh                 | 50 ”   |
| 6. Nu‘mān bin Maqran                | 50 ”   |
| 7. Ja‘far bin Abī Ṭālib             | 50 ”   |
| 8. Anak ‘Abd Allāh bin Ubay         | 50 ”   |
| 9. Anak angkat Rasulullah           | 50 ”   |
| 10. Abū Hudhayfah bin ‘Utbah        | 50 ”   |

*di-terbitkan oleh:*

**QALAM**

356/358 GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.



pengikut-pengikutnya dari mula-mula diturunkan sampai kepada masa kita sekarang dan seterusnya. Di balik itu, bekerja keraslah tentera Iblis dan orang-orang syaitan untuk menggelapkan atau memadamkannya. Maka banyaklah manusia yang hidup dalam kesesatan dan kegelapan.

Nur Ilahi bagi akal manusia seperti cahaya terang bagi mata. Biar mata sihat dan baik, bila tidak ada sinar di dekatnya, samalah dengan mata kaki. Bila akal lepas dari Nur Ilahi, maka kaca akal itu menjadi suram, kadang-kadang seperti kaca gila yang membolak-balikkan apa yang terlihat daripadanya. Maka buahnya segala yang membahayakan dan merugikan dipandanginya menguntungkan.

Keruntuhan dikiranya pembangunan, penyakit dikira ubat, racun disangka penawar, kehinaan dikiranya kemuliaan.

Semua ini terjadi kerana Nur Ilahi sudah lepas dari dirinya, perasaannya sudah berubah, dan pengetahuannya sudah bertukar. Di dalam *al-Qur‘ān al-Karīm* hal ini ada dijelaskan oleh Allah Ta‘ālā, firman-Nya:

*Wa idhā qīla lahum lā tufsidū fī al-arḍi qālū innamā nahnu muṣliḥūn. Alā innahum humu al-mufsidūna wa lākin lā yash‘urūn.* (Al-Baqarah, 11-12).

Ertinya: “Dan apabila dikata kepada mereka itu “Janganlah kamu membuat kerosakan di bumi.” Mereka jawab: Kami ini tidak lain melainkan orang-orang yang berbuat kebaikan. Ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka itu ialah orang-orang yang berbuat kerosakan, tetapi mereka tidak sedar.”

Mudah-mudahan Allah berikan kita kekuatan untuk memelihara Nur Ilahi itu sampai turun-temurun kepada anak cucu kita. Amin.